

# Kementerian tolak kelaskan hospital

**K**EMENTERIAN Kesihatan menolak gesaan pelbagai pihak untuk menentukan ranking hospital atau pusat perubatan dalam senarai 10 hospital atau pusat perubatan terbaik di negara ini, kata Menteri Kesihatan Datuk Dr Chua Soi Lek.

Beliau berkata, bukanlah perkara mudah untuk menentukan secara objektif dan menyeluruh mengenai hospital mana yang terbaik di Malaysia. Tahap piawaian kualiti sesebuah hospital perlu diukur dengan kaedah yang begitu teliti, menyeluruh serta saintifik berdasarkan kepada jenis hospital.

"Faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan hospital terbaik adalah begitu meluas seperti sama ada hospital itu menyediakan rawatan akut atau kronik, rawatan kecemasan dan pesakit dalam atau pesakit luar serta pelbagai jenis rawatan lain," katanya menjawab soalan Hasni Mohammad (BN-Pontian) yang meminta kerajaan menyenaraikan hospital atau pusat peruba-

tan dalam negara mengikut ranking 10 hospital yang terbaik pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Soi Lek berkata, perlu diingat bahawa ada hospital negeri peringkat ketiga dan juga ada hospital daerah dengan pakar sekunder malah ada juga hospital peringkat daerah tanpa pakar di negara ini.

Katanya, hospital berkenaan perlu dikategorikan mengikut kategori yang berlainan sebelum sebarang usaha dilakukan untuk menanda aras mereka. Tambahan pula, perkhidmatan yang diberikan hospital adalah berbeza kerana gabungan pesakit di hospital adalah berbeza serta penilaian risiko juga perlu dikendalikan apabila kita hendak melakukan perbandingan antara sebuah hospital dengan yang lain.

Bagaimanapun, katanya, kementerian sentiasa memberi penekanan yang serius dan komited kepada isu kualiti penjagaan perubatan dan kesihatan yang diberikan, sama ada oleh sektor awam

atau swasta kerana pencapaian status kualiti yang tinggi dapat memberikan kelebihan strategik kepada mana-mana organisasi penjagaan kesihatan.

"Bagi perkhidmatan kesihatan di sektor awam, hingga kini ada lebih

**“Setakat ini sejumlah 65 hospital Kementerian Kesihatan telah mencapai Persijilan Akreditasi, iaitu pengiktirafan kualiti antarabangsa”**

**Chua Soi Lek**  
Menteri Kesihatan

22 kegiatan peningkatan kualiti dianjurkan yang memberi penekanan kepada aspek teknikal serta perhubungan komunikasi.

"Adalah amat membanggakan kerana Malaysia adalah antara beberapa negara di dunia yang mempunyai Program Kepastian Kualiti di peringkat nasional berbanding negara maju sekali pun yang hanya mempunyai program kepastian kualiti di peringkat negeri, daerah atau hospital saja," katanya.

Beliau berkata, setakat ini sejumlah 65 hospital Kementerian Kesihatan telah mencapai Persijilan Akreditasi, iaitu pengiktirafan kualiti antarabangsa. Dengan pencapaian sijil itu, sesebuah hospital dianggap telah mencapai tahap kualiti yang konsisten dalam memberikan khidmat kepada masyarakat.

"Kementerian Kesihatan mensasarkan supaya semua hospital kerajaan mencapai status Persijilan Akreditasi menjelang 2010," katanya.